



国文

配版作业

BUKU LATIHAN KSSR
BAHASA MELAYU SJKC

KBAT

Tahun
4A

Faiza Hasbullah
Fazrin Nazieha Hasbullah

nama :

arjah :

ekolah :

- ◆ 100% berdasarkan Buku Teks dan DSKP terkini
- ◆ Latihan pelbagai bentuk untuk mengukuhkan kemahiran murid
- ◆ Ujian Sumatif mengikut format

UASA

Ujian Akhir Sesi Akademik

terkini



BAHAGIAN A
[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Pustakawan itu _____ buku-buku yang baru dipulangkan oleh murid-murid ke rak.
- A mengambil
 - B melempar
 - C membaling
 - D menyusun

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Adik berasa sedih _____ apabila mengetahui bahawa kucing kesayangannya telah hilang.
- | | |
|-----------|-----------|
| A terlalu | B teramat |
| C sekali | D paling |

Soalan 3

3. Pilih ayat-ayat yang betul.
- I Julia tidak membeli buku itu kerana harganya terlalu mahal.
 - II Encik Farid menghadiahi isterinya sebuah kereta baharu.
 - III Kemalangan kereta itu berlaku kerana tayarnya sudah dahaga.
 - IV Ramai orang-orang datang ke kedai makan milik Mak Cik Qamariah.
- | | |
|--------------|--------------|
| A I dan II | B II dan III |
| C III dan IV | D I dan IV |

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Persatuan Bahasa Melayu SJKC Bukit Emas ingin menganjurkan lawatan ke syarikat penerbitan buku, iaitu Tunas Pelangi. Tujuan lawatan tersebut diadakan adalah untuk memberikan pendedahan kepada murid-murid tentang cara-cara sesebuah buku diterbitkan. Murid-murid juga dapat *menimba ilmu* dalam penyuntingan bersama-sama editor yang berpengalaman dan mempelajari ilmu berniaga.

Sehubungan dengan itu, kami berharap agar pihak tuan/puan dapat memberikan keizinan kepada kami untuk mengadakan lawatan di syarikat penerbitan milik tuan/puan. Kerjasama daripada pihak tuan/puan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

4. Apakah program yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu SJKC Bukit Emas?
- A Lawatan sambil belajar ke syarikat penerbitan buku
 - B Lawatan sambil belajar ke kilang buku
 - C Lawatan sambil belajar ke pejabat editor
 - D Lawatan sambil belajar ke kilang
5. Rangkai kata *menimba ilmu* dalam petikan membawa maksud
- A mencedok pengalaman.
 - B mengambil iktibar.
 - C memperoleh pengetahuan.
 - D mengambil pengajaran.
6. Berikut adalah antara tujuan dan matlamat lawatan sambil belajar tersebut, *kecuali*
- A memberikan pendedahan kepada murid-murid tentang cara-cara sesebuah buku diterbitkan.
 - B murid-murid dapat menimba ilmu tentang penyuntingan bersama-sama editor yang berpengalaman.
 - C belajar ilmu berniaga.
 - D dapat meluangkan masa selepas peperiksaan.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

KEBAKARAN

KUALA LUMPUR, 23 FEBRUARI – Sederet rumah kedai enam pintu dan empat buah kereta musnah dalam satu kebakaran yang berlaku di Jalan Pandan. Kejadian yang berlaku kira-kira pukul 3.00 pagi itu telah menyebabkan 20 orang mangsa kehilangan tempat tinggal. Mangsa kebakaran tidak sempat menyelamatkan harta benda berikutan api merebak dengan sangat pantas.

Tiga buah kereta bomba dan sebuah ambulans datang bagi menyelamatkan keadaan. Pihak bomba berjaya mengawal kebakaran 30 minit kemudian, manakala beberapa orang mangsa yang tercedera dibawa ke hospital untuk dirawat akibat melecur.

BAHAN 2

Aali telah membaca berita tentang peristiwa kebakaran yang berlaku di Jalan Pandan lalu menceritakan kejadian tersebut kepada kawannya, Lim. Berikut merupakan dialog antara mereka berdua.

Aali : Lim, tadi saya ada membaca berita tentang kebakaran.

Lim : Di manakah kejadian itu berlaku?

Aali : Kejadian itu berlaku di Jalan Pandan.

Lim : Bilakah kejadian itu berlaku? Berapa orangkah mangsa yang terlibat dalam kebakaran itu?

Aali : Kejadian itu berlaku kira-kira pukul 3.00 pagi dan melibatkan 20 orang mangsa.

Lim : Adakah pihak bomba dan ambulans dihubungi dengan segera?

Aali : Ya. Selepas dihubungi, tiga buah kereta bomba dan sebuah ambulans datang menyelamatkan keadaan. Mangsa kebakaran tidak sempat menyelamatkan harta benda berikutan api merebak dengan sangat pantas.

Lim : Berapa lamakah pihak bomba berjaya mengawal kebakaran?

Aali : Anggota bomba berjaya mengawal kebakaran selepas 30 minit kemudian. Beberapa orang mangsa yang tercedera dibawa ke hospital untuk menerima rawatan.

Anggota bomba berjaya mengawal kebakaran selepas 30 minit kemudian.

7. Penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan bergaris di atas ialah
- A buah.
 - B gerombolan.
 - C ekor.
 - D orang.
8. Siapakah yang memadamkan kebakaran?
- A Doktor
 - B Bomba
 - C Pemandu ambulans
 - D Pemilik rumah kedai
9. Perkataan *pantas* dalam Bahan 1 dan Bahan 2 bermaksud
- A lambat.
 - B lama.
 - C cepat.
 - D ganas.
10. Pilih pernyataan yang **tidak benar** berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2 di atas.
- A Kebakaran melibatkan rumah kedai enam pintu.
 - B Api berjaya dikawal dalam masa 30 minit.
 - C Kebakaran menyebabkan dua orang kehilangan nyawa.
 - D Mangsa melecur dibawa ke hospital.

BAHAGIAN B
[10 markah]

Soalan I

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Membaca merupakan amalan yang dapat memberikan manfaat kepada kita. Individu yang gemar membaca akan mempunyai minda yang sihat. Hal ini demikian kerana, bahan bacaan seperti buku dapat merangsang pemikiran kita menjadi kreatif dan kritis.

Amalan membaca mampu meningkatkan perbendaharaan kata. Selain itu, ilmu pengetahuan kita akan bertambah. Malah, membaca jelas menunjukkan kita telah mengisi masa lapang yang ada dengan perkara yang berfaedah.

1. Membaca dapat menjadikan minda kita sihat kerana _____

[1 markah]

2. Apakah manfaat amalan membaca?

[2 markah]



3. *Gariskan kata sendi nama dalam ayat yang diberi.*

Membaca merupakan amalan yang dapat memberikan manfaat kepada kita.

[1 markah]

4. *Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.*

Membaca merupakan amalan yang dapat memberikan manfaat kepada kita.

Membaca dapat memberikan manfaat kepada kita amalan.	
Dapat memberikan manfaat kepada kita amalan membaca.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah.

Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

Pada hujung minggu ini, kamu akan pergi melawat rakan kamu yang menghadapi masalah kesihatan.

Sebagai seorang rakan, apakah nasihat yang akan kamu berikan kepada rakan kamu?

[5 markah]